



Sumber: Sinar Harian

Rabu 21 September 2016 • Sinar Harian 37

SENTRAL

NS lulus tubuh **Jabatan Pendakwaan**

Mahu sistem kehakiman syariah berdiri sendiri dari peringkat pendakwaan, perbicaraan, penghakiman

■ NUR SHARIEZA ISMAIL

SEREMBAN — Kerajaan negeri telah meluluskan penubuhan Jabatan Pendakwaan bagi memperkasakan sistem kehakiman syariah di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, Jabatan Pendakwaan yang terletak di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) sebelum ini akan menjadi sebuah jabatan tersendiri serta bebas menjalankan pendakwaan.

Menurutnya, pihaknya mahu supaya sistem kehakiman syariah di negeri ini dari peringkat pendakwaan sehingga ke perbicaraan serta penghakiman menjadi satu sistem yang berdiri sendiri.

"Bagaimanapun, ketika ini kita sedang dalam rundingan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi perjawatan. Banyak perjawatan perlu dibuat.



Mohamad (dua, kiri) menyampaikan Anugerah Khas kepada Pengerusi Peguam Syariah Negeri Sembilan, Datuk Hanif Hassan.

"Ini kerana kita perlu mempunyai Ketua Jabatan dan Ketua Pendakwa raya selain ramai pendakwa raya, sekarang ini ada tetapi tidak lengkap lagi.

"Ini yang sedang kita rundingkan dengan JPA untuk melicin-

kan urusan pentadbiran kehakiman syariah di negeri ini," katanya dalam sidang media selepas Majlis Perasmian Pentaaulahan Peguam Syariah dan Penyerahan Sijil Peguam Syariah Negeri Sembilan 2016, di sini, semalam.

Mohamad berkata, pihaknya juga kini sedang dalam peringkat mengkaji semua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan dan Enakmen Jenayah Syariah Negeri untuk memperkasakan sistem perundangan kekeluargaan, pentadbiran agama, dan sistem perundangan syariah.

"Ini disebabkan kita merasakan ada enakmen yang baik tetapi kaedahnya tidak lagi sesuai lagi, ada enakmen pula lingkung tiada kaedah, jadi susah untuk kita untuk menjalankan pendakwaan.

"Bila menastuhkan penghakiman, hujah-hujah boleh dibuat tetapi disebabkan kelemahan pentadbiran, ia akan mencacatkan sistem pentadbiran dan dikuatiri sistem kehakiman syariah nanti akan menjadi suatu yang boleh digunakan pihak luar pendebat mahupun mempergunakan sistem kehakiman syariah itu sendiri.

Kajian ini dilakukan supaya ia

benar-benar mencerminkan keadaan semasa kerana masa dan keadaan berubah, selain pemildiran orang turut berubah, jadi kita perlu mencerminkan keadaan semasa serta juga sosiobudaya semasa," katanya.

Menurut beliau, proses kajian itu melibatkan pelbagai pihak termasuk, mufti kerajaan negeri, penasihat undang-undang, pengurus peguam syariah dan pensyarah, ahli akademik serta pakar undang-undang.

Dalam pada itu, beliau turut memberitahu, pihaknya juga menyokong penuh hasrat memperkasakan sistem kehakiman syariah itu dari segi peringkat mahkamah.

"Sebab sekarang ini sistem kehakiman mahkamah syariah mempunyai tiga peringkat mahkamah tetapi dalam sistem kehakiman mahkamah sivil mempunyai lima peringkat.

"Bagi menyamai, satu cadangan penubuhan satu mahkamah khas telah dikemukakan," katanya.